



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 772

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

Tarikh Perkenan Diraja 21 Disember 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 29 Disember 2015

Hakcipta Pencetak H

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 772

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA KEBAJIKAN HAIWAN

3. Penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan
4. Fungsi Lembaga
5. Perwakilan fungsi Lembaga
6. Keanggotaan Lembaga
7. Anggota silih ganti
8. Tempoh jawatan
9. Elaun dan perbelanjaan
10. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
11. Pengosongan jawatan
12. Mesyuarat Lembaga
13. Jawatankuasa
14. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

BAHAGIAN III

PELESENAN

15. Kehendak bagi lesen
16. Permohonan dan pengeluaran lesen
17. Lesen tidak boleh dipindah milik
18. Tempoh lesen
19. Pembaharuan lesen

Seksyen

20. Mempamerkan lesen
21. Penggantungan dan pembatalan lesen
22. Rayuan kepada Menteri
23. Dihalang daripada memegang lesen

BAHAGIAN IV

PERKARA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEBAJIKAN HAIWAN

24. Kewajipan pemunya atau pemegang lesen
25. Notis penambahbaikan
26. Haiwan yang digunakan dalam penyelidikan, ujian atau pengajaran
27. Pengangkutan haiwan
28. Penjualan haiwan kepada orang berumur bawah dua belas tahun

BAHAGIAN V

PENGANIAYAAN TERHADAP HAIWAN

29. Kesalahan penganiayaan
30. Pembunuhan haiwan
31. Pemberian racun
32. Usaha niaga pelagaan haiwan
33. Kegagalan menjalankan jagaan dan pengawasan yang munasabah

BAHAGIAN VI

HAIWAN DALAM DISTRES

34. Kuasa berhubung dengan haiwan dalam distres
35. Perintah berhubung dengan haiwan yang diambil milik

BAHAGIAN VII

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

36. Pegawai kebajikan haiwan
37. Pembantu sukarela kebajikan haiwan
38. Kad kuasa
39. Kuasa penyiasatan

Seksyen

40. Penggeledahan dan penyitaan tanpa waran
41. Kuasa untuk memasuki premis
42. Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut
43. Kuasa untuk mengelak premis atau pengangkut
44. Senarai benda yang disita
45. Perintah menahan haiwan, karkas, dsb., yang disita di bawah Akta ini
46. Perintah berhubung dengan haiwan, karkas, dsb., yang disita di bawah Akta ini
47. Pegawai kebajikan haiwan boleh meminta bantuan untuk memeriksa benda yang berhubungan dengan kesalahan
48. Kos menyimpan haiwan, dsb., yang disita
49. Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan semula

BAHAGIAN VIII

KUASA SAMPINGAN MAHKAMAH

50. Kesalahan kedua atau berikutnya
51. Pelucuthakan
52. Hilang kelayakan
53. Penyitaan haiwan berhubung dengan hilang kelayakan
54. Kuasa mahkamah untuk memerintahkan pemusnahan haiwan
55. Pelucuthakan item yang digunakan dalam atau berhubung dengan kesalahan

BAHAGIAN IX

AM

56. Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan
57. Kegagalan mematuhi perintah yang sah
58. Gambar haiwan boleh diterima sebagai keterangan
59. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang
60. Kesalahan yang boleh dikompaun
61. Pemulaan pendakwaan
62. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan
63. Kuasa untuk meminda Jadual
64. Peruntukan peralihan

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 772

AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan, untuk menyatakan fungsi Lembaga, untuk mempromosikan kebajikan dan pemunyaan bertanggungjawab haiwan, dan perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kebajikan Haiwan 2015.

(2) Akta ini terpakai bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“haiwan” ertinya apa-apa makhluk hidup selain manusia dan termasuklah apa-apa haiwan, burung, haiwan akuatik, reptilia atau serangga tetapi tidak termasuk hidupan liar di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [*Akta 716*];

“haiwan persembahan” ertinya mana-mana haiwan yang digunakan bagi maksud apa-apa hiburan, pameran, sukan, rakaman audio-visual dan pertunjukan haiwan;

“karkas” ertinya bangkai haiwan dan termasuklah mana-mana bahagian badan sama ada secara berasingan atau selainnya;

“kebajikan haiwan” termasuklah keperluan haiwan sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 24;

“Lembaga” ertinya Lembaga Kebajikan Haiwan yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pertanian dan industri asas tani;

“pegawai kebajikan haiwan” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 36;

“pembantu sukarela kebajikan haiwan” ertinya mana-mana orang yang berkecambah yang dilantik di bawah seksyen 37;

“pemunya” ertinya mana-mana orang yang memiliki apa-apa haiwan dan termasuklah mana-mana orang pada masa ini bertanggungjawab tentang mana-mana haiwan atau mana-mana orang yang menghuni mana-mana premis;

“pengangkut” ertinya apa-apa kenderaan, vesel, kapal, pesawat udara dan apa-apa kaedah pengangkutan yang lain sama ada melalui udara, laut atau darat;

“pihak berkuasa veterinar” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Binatang 1953 [*Akta 647*];

“premis” termasuklah apa-apa rumah, bangunan, pondok, bangsal, struktur, platform, loji, gudang berlesen, kontena dan tanah sama ada dipagari atau dibina di atasnya atau tidak;

“tatacara pengurusan veterinar yang diterima pakai” termasuklah nyahtanduk lembu, cucuk hidung lembu, pengacipan telinga, pengetagan telinga, pemangkasan bulu, tanduk, gading atau kuku, dan membuat tanda pada haiwan atau apa-apa tatacara lain yang ditentukan oleh Lembaga.

BAHAGIAN II

LEMBAGA KEBAJIKAN HAIWAN

Penubuhan Lembaga Kebajikan Haiwan

3. Suatu badan yang dikenali sebagai “Lembaga Kebajikan Haiwan” ditubuhkan.

Fungsi Lembaga

4. (1) Lembaga hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk memantau kerja-kerja persatuan atau badan yang ditubuhkan bagi maksud mencegah trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan;
- (b) untuk memantau kerja-kerja bagi perlindungan haiwan, termasuklah haiwan dalam rumah penyelamat, tempat perlindungan haiwan atau kawasan perlindungan;
- (c) untuk memantau keadaan tempat di mana haiwan boleh mencari perlindungan apabila haiwan itu lemah atau memerlukan perlindungan;
- (d) untuk memberikan pendidikan berhubung dengan layanan berperikemanusiaan kepada haiwan dan untuk menggalakkan pembentukan pendapat umum berhubung dengan tindakan mengakibatkan trauma, kesakitan atau penderitaan kepada haiwan;
- (e) untuk mempromosikan kebajikan haiwan melalui ceramah, buku, poster, pameran sinematografi dan lain-lain;

- (f) untuk menasihati Menteri tentang apa-apa perkara yang berhubungan dengan kebajikan haiwan, pencegahan tindakan yang mengakibatkan trauma, kesakitan atau penderitaan ke atas haiwan, pencegahan pembunuhan yang tidak sepatutnya dan untuk mengadakan peruntukan bagi kebajikan dan kesejahteraan haiwan;
- (g) untuk mentadbirkan, menguatkuasakan dan memastikan pelaksanaan yang berkesan Akta ini; dan
- (h) untuk melaksanakan semua fungsi sebagaimana yang dibenarkan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini, termasuklah fungsi yang boleh diamanahkan kepada Lembaga di bawah arahan Menteri.

(2) Dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini, Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan secara bertulis kepada mana-mana orang, pegawai atau mana-mana pihak berkuasa dan orang, pegawai dan pihak berkuasa itu hendaklah terikat untuk mematuhi arahan tersebut.

Pewakilan fungsi Lembaga

5. (1) Lembaga boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut untuk dikenakan, mewakilkan mana-mana kuasanya, kecuali kuasa pewakilan, kepada—

- (a) suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 13; atau
- (b) mana-mana pegawai awam.

(2) Mana-mana jawatankuasa atau pegawai awam yang diwakilkan dengan fungsi sedemikian hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira akan semua syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Lembaga dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Mana-mana fungsi yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Lembaga.

(4) Pewakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Lembaga itu sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan mana-mana fungsi yang telah diwakilkan itu pada bila-bila masa.

Keanggotaan Lembaga

6. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, sebagai Pengerusi;
- (b) seorang pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, yang hendaklah dilantik oleh Menteri sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia atau wakilnya;
- (d) Ketua Pengarah Jabatan Perikanan atau wakilnya;
- (e) Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan atau wakilnya;
- (f) dekan fakulti berhubung dengan veterinar, daripada suatu institusi pengajian tinggi awam yang dilantik oleh Menteri;
- (g) seorang pegawai kanan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang dilantik oleh Menteri;
- (h) seorang pegawai kanan Kementerian Pendidikan yang dilantik oleh Menteri; dan
- (i) seorang pegawai kanan Kementerian Kesihatan yang dilantik oleh Menteri.

(2) Menteri bolehlah, selepas berunding dengan Lembaga, melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota Lembaga.

(3) Pengarah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Sabah dan Ketua Penolong Pengarah (Veterinar) Jabatan Pertanian Sarawak hendaklah menjadi anggota *ex-officio* Lembaga tetapi tidak berhak mengundi sewaktu mesyuarat Lembaga.

(4) Menteri hendaklah, selepas berunding dengan Lembaga, melantik seorang pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menjadi Setiausaha Lembaga.

Anggota silih ganti

7. (1) Menteri boleh, berhubung dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(f), (g), (h) atau (i), melantik seseorang untuk menjadi anggota silih ganti bagi menghadiri, sebagai ganti anggota itu, mesyuarat Lembaga apabila anggota itu tidak dapat hadir atas apa-apa sebab.

(2) Seseorang anggota silih ganti yang menghadiri mesyuarat Lembaga hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai anggota Lembaga.

(3) Seseorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, berhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang baginya dia merupakan anggota silih ganti berhenti menjadi anggota Lembaga.

Tempoh jawatan

8. Tertakluk kepada apa-apa syarat tersebut sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(b), (f), (g), (h) atau (i) hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan hendaklah layak untuk dilantik semula selama tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Elaun dan perbelanjaan

9. Anggota Lembaga, anggota silih ganti atau mana-mana orang yang diundang ke mana-mana mesyuarat Lembaga di bawah subseksyen 12(6) boleh dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa dengan persetujuan Menteri Kewangan.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

10. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(b), (f), (g), (h) atau (i).

(2) Mana-mana anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(b), (f), (g), (h) atau (i) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

11. (1) Jawatan seseorang anggota Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(b), (f), (g), (h) atau (i) hendaklah menjadi kosong jika—

- (a) dia meninggal dunia;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda, selama lebih daripada dua tahun;
- (c) dia menjadi bankrap;
- (d) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajibannya;
- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
- (f) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (g) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

(2) Jika seseorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(b), (f), (g), (h) atau (i) berhenti menjadi anggota Lembaga, oleh sebab mana-mana peruntukan Akta ini, Menteri boleh melantik seorang yang lain untuk mengisi kekosongan itu bagi baki tempoh yang anggota yang mengosongkan jawatan itu dilantik mengikut peruntukan yang terpakai.

Mesyuarat Lembaga

12. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekerap yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dan mesyuarat itu hendaklah diadakan di tempat dan pada masa yang diputuskan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Lembaga dan jika bagi apa-apa sebab Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Jika pada mana-mana mesyuarat Lembaga, Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan.

(4) Pengerusi dan empat anggota lain Lembaga hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Lembaga.

(5) Jika terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang menggantikan Pengerusi yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah mempunyai undi pemutus.

(6) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Lembaga bagi maksud menasihati Lembaga tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang yang diundang sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat tersebut.

Jawatankuasa

13. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa sebagaimana yang Lembaga fikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantu Lembaga dalam pelaksanaan fungsinya.

(2) Suatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) hendaklah menimbangteliti perkara yang dirujuk kepadanya oleh Lembaga dan membuat syor yang sesuai mengenai perkara itu kepada Lembaga.

(3) Lembaga boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(4) Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

(5) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula bagi apa-apa tempoh yang boleh ditentukan oleh Lembaga.

(6) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa.

(7) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa itu.

(8) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(9) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tataranya sendiri.

(10) Sesuatu jawatankuasa adalah tertakluk kepada, dan hendaklah bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(11) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada masa dan tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(12) Suatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya—

(a) minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga dengan secepat yang dapat dilaksanakan.

(13) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat bagi maksud menasihati jawatankuasa tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(14) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang tanpa dibuktikan selanjutnya.

(15) Anggota sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (13) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Lembaga.

(16) Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) terdapat apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan, jawatankuasa; atau
- (b) terdapat apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit hal itu.

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

14. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberi arahan kepada Lembaga selaras dengan peruntukan Akta ini dan Lembaga hendaklah melaksanakan segala arahan itu.

BAHAGIAN III

PELESENAN

Kehendak bagi lesen

15. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan yang dinyatakan dalam Jadual melainkan jika dia memegang suatu lesen yang sah yang diberikan di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), lesen tidak diperlukan untuk aktiviti penyembelihan haiwan bagi maksud keagamaan dan adat.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima belas ribu ringgit dan tidak lebih daripada tujuh puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

Permohonan dan pengeluaran lesen

16. (1) Suatu permohonan bagi lesen hendaklah dibuat kepada Lembaga mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah disertai dengan apa-apa dokumen atau maklumat yang difikirkan oleh Lembaga perlu dan berkaitan kepada permohonan itu dan Lembaga boleh, secara lisan atau bertulis pada bila-bila masa selepas menerima permohonan itu dan sebelum permohonan itu ditentukan, menghendaki pemohon itu supaya memberikan apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang difikirkan oleh Lembaga perlu bagi maksud menentukan kesesuaian pemohon bagi lesen itu.

(3) Lembaga boleh, apabila menerima suatu permohonan untuk lesen di bawah subseksyen (1), mengeluarkan lesen atau menolak untuk mengeluarkan lesen.

(4) Jika permohonan lesen itu diluluskan oleh Lembaga, lesen itu hendaklah dikeluarkan atas nama pemohon apabila dibayar fi yang ditetapkan dan Lembaga boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya perlu.

Lesen tidak boleh dipindah milik

17. (1) Sesuatu lesen di bawah Akta ini tidak boleh dipindah milik dan tiada seorang pun boleh menggunakan lesen seseorang yang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

Tempoh lesen

18. Sesuatu lesen yang dikeluarkan atau diperbaharui di bawah Akta ini hendaklah berkuat kuasa selama tempoh lima tahun daripada tarikh pengeluaran atau pembaharuannya, melainkan jika—

- (a) Lembaga menyatakan apa-apa tempoh yang lebih pendek dalam lesen itu;

- (b) lesen itu digantung atau dibatalkan;
- (c) pemegang lesen dihalang daripada memegang lesen; atau
- (d) pemegang lesen itu hilang kelayakan di bawah seksyen 52.

Pembaharuan lesen

19. (1) Seseorang pemegang lesen boleh memohon untuk memperbaharui lesennya tidak lewat daripada enam puluh hari sebelum tarikh habis tempoh lesen itu dalam apa-apa bentuk dan mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Seseorang pemegang lesen hendaklah memberikan kepada Lembaga apa-apa maklumat yang difikirkan oleh Lembaga perlu dan berkaitan bagi permohonan itu.

(3) Lembaga boleh, apabila menerima suatu permohonan bagi pembaharuan lesen di bawah subseksyen (1), memperbaharui lesen atau menolak untuk memperbaharui lesen itu.

(4) Jika suatu permohonan untuk suatu pembaharuan lesen diluluskan oleh Lembaga, lesen itu hendaklah diperbaharui apabila dibayar fi yang ditetapkan dan Lembaga boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu.

Mempamerkan lesen

20. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya di tempat yang mudah dilihat di premisnya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang pemegang lesen tidak dikehendaki untuk menyebabkan salinan lesen itu dipamerkan jika dia menjalankan aktiviti di luar premis itu tetapi pemegang lesen itu hendaklah memastikan dia atau orang yang bertanggungjawab terhadap aktiviti itu mempunyai satu salinan lesen bersamanya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

Penggantungan dan pembatalan lesen

21. (1) Lembaga boleh, dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang lesen, menggantung lesen itu selama tempoh sehingga tiga bulan di bawah mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) pemegang lesen atau mana-mana pekerja kepada pemegang lesen itu telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini;
- (b) pemegang lesen telah melanggar apa-apa syarat yang dinyatakan dalam lesen itu;
- (c) pemegang lesen tidak mematuhi apa-apa peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini; atau
- (d) kebajikan haiwan itu akan terancam jika lesen itu kekal berkuat kuasa.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pemegang lesen itu dibenarkan untuk memohon suatu pembaharuan lesen semasa tempoh penggantungan.

(3) Lembaga boleh, dengan memberikan suatu notis secara bertulis kepada pemegang lesen, membatalkan suatu lesen di bawah mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) lesen telah diperoleh secara fraud atau salah nyata;
- (b) pemegang lesen tidak meremedi alasan bagi penggantungan atau mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa alasan bagi penggantungan itu tidak akan berulang dalam tempoh empat belas hari sebelum berakhir tempoh penggantungan; atau
- (c) maksud asal bagi lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud.

(4) Lembaga boleh menghilangkan kelayakan seseorang pemegang lesen daripada memohon lesen yang lain sebelum habisnya tempoh lesen yang dibatalkan itu.

(5) Lembaga hendaklah memberikan pemegang lesen suatu notis secara bertulis sebelum Lembaga membuat suatu keputusan di bawah subseksyen (1) atau (3).

(6) Apabila berlakunya penggantungan atau pembatalan, pemegang lesen hendaklah menyerahkan balik lesen kepada Lembaga tidak lewat daripada empat belas hari dari tarikh notis penggantungan atau pembatalan itu disampaikan kepadanya.

(7) Lembaga hendaklah memulangkan lesen yang digantung di bawah subseksyen (6) kepada pemegang lesen selepas berakhir tempoh penggantungan itu.

(8) Apabila lesen telah dibatalkan atau digantung, ia tidak berkuat kuasa daripada tarikh pembatalan atau semasa tempoh penggantungan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Rayuan kepada Menteri

22. (1) Mana-mana orang yang terkilan—

(a) dengan keengganan Lembaga untuk mengeluarkan atau memperbaharui apa-apa lesen; atau

(b) dengan penggantungan atau pembatalan apa-apa lesen,

boleh dalam masa tiga puluh hari selepas dimaklumkan secara bertulis berkenaan dengan keengganan, penggantungan atau pembatalan itu, merayu secara bertulis kepada Menteri terhadap keputusan itu.

(2) Menteri boleh, selepas menimbangkan rayuan yang dibuat di bawah subseksyen (1), membenarkan atau menolak keputusan yang dirayu terhadapnya, dan keputusan Menteri adalah muktamad.

Dihalang daripada memegang lesen

23. Jika seseorang pernah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, dia boleh dihalang daripada memegang apa-apa lesen oleh Lembaga bagi tempoh tidak melebihi lima tahun bermula pada tarikh prosiding berkenaan dengan sabitan itu diselesaikan dengan muktamad.

BAHAGIAN IV

PERKARA YANG BERHUBUNGAN DENGAN KEBAJIKAN HAIWAN

Kewajipan pemunya atau pemegang lesen

24. (1) Pemunya atau pemegang lesen hendaklah mempunyai kewajipan untuk—

(a) mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keperluan haiwan dipenuhi, termasuklah—

- (i) keperluannya kepada persekitaran yang sesuai;
- (ii) keperluannya untuk diet yang sesuai;
- (iii) keperluan untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuannya yang semula jadi;
- (iv) keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- (v) keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit; dan

(b) memastikan bahawa hal keadaan yang adalah berkaitan untuk mengambil kira kepada keperluan haiwan itu di bawah perenggan (a) termasuklah—

- (i) apa-apa tujuan yang sah untuk haiwan itu dipelihara; dan
- (ii) apa-apa aktiviti yang sah yang dilakukan berhubung dengan haiwan.

(2) Tiada apa-apa dalam seksyen ini terpakai kepada pemusnahan yang sah mana-mana haiwan bagi maksud yang munasabah secara wajar dan berperikemanusiaan.

(3) Pemunya atau pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima belas ribu ringgit dan tidak lebih daripada tujuh puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

Notis penambahbaikan

25. (1) Jika seseorang pegawai kebajikan haiwan itu berpendapat bahawa pemunya atau pemegang lesen itu tidak mematuhi seksyen 24, dia boleh menyampaikan kepada pemunya atau pemegang lesen itu suatu notis penambahbaikan yang mengandungi perkara yang berikut:

- (a) butir-butir ketidakpatuhan kepada seksyen 24;
- (b) langkah-langkah yang perlu diambil oleh pemunya atau pemegang lesen;
- (c) menetapkan suatu tempoh bagi pemunya atau pemegang lesen mengambil langkah-langkah yang disebut dalam perenggan (b); dan
- (d) kesan tidak mematuhi arahan seperti yang dinyatakan di dalam notis penambahbaikan.

(2) Pemunya atau pemegang lesen hendaklah mematuhi kehendak notis yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Jika notis penambahbaikan di bawah subseksyen (1) disampaikan kepada pemunya atau pemegang lesen, tiada prosiding bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen 24(3) boleh dimulakan.

(4) Seseorang pegawai kebajikan haiwan boleh, sebagaimana yang difikirkannya perlu, melanjutkan tempoh pematuhan yang dinyatakan dalam notis penambahbaikan itu.

(5) Pemunya atau pemegang lesen yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

Haiwan yang digunakan dalam penyelidikan, ujian atau pengajaran

26. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan haiwan dalam penyelidikan, ujian atau pengajaran melainkan jika—

- (a) semua langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keperluan fizikal, kesihatan dan kelakuan haiwan itu

diambil menurut Akta ini dan mana-mana perundangan subsidiari yang ditetapkan oleh Menteri;

- (b) haiwan tersebut hendaklah menerima, jika boleh dilaksanakan, rawatan yang akan melegakan apa-apa kesakitan atau keperitan yang tidak munasabah atau tidak sepatutnya apabila haiwan itu sakit atau cedera; atau
- (c) apa-apa tahap kesakitan atau keperitan itu dikurangkan seminimum yang mungkin dalam hal keadaan apabila ciri penyelidikan, ujian atau pengajaran itu tidak dapat mematuhi perenggan (a) atau (b).

(2) Tiada seorang pun, kecuali sekolah, boleh menggunakan haiwan untuk penyelidikan, ujian atau pengajaran kecuali ia dilesenkan oleh Lembaga.

(3) Garis panduan berkenaan dengan penyelidikan, ujian atau pengajaran haiwan di sekolah hendaklah menurut mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Lembaga.

(4) Tiada seorang pun boleh membiakkan mana-mana haiwan untuk digunakan dalam penyelidikan, ujian atau pengajaran melainkan jika diluluskan oleh Lembaga.

(5) Bagi maksud seksyen ini, “sekolah” mempunyai makna yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

(6) Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Pengangkutan haiwan

27. (1) Seseorang pemunya atau pengendali mana-mana pengangkut hendaklah mempunyai kewajipan untuk menyediakan—

- (a) kemudahan yang mencukupi, bersih dan sanitasi; dan
- (b) makanan dan air yang cukup,

kepada haiwan yang diangkut dalam pengangkut itu bagi memastikan penghantaran selamat haiwan itu kepada penerima konsainan di tempat konsainan.

(2) Tiada seorang pun boleh mengurung atau mengekang dengan kejam haiwan yang diangkut dalam pengangkut di bawah subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima belas ribu ringgit dan tidak lebih daripada tujuh puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

Penjualan haiwan kepada orang berumur bawah dua belas tahun

28. Mana-mana orang yang menjual haiwan kepada seseorang yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu berumur di bawah dua belas tahun, melainkan jika orang itu ditemani oleh seorang dewasa, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada lima belas ribu ringgit dan tidak lebih daripada tujuh puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN V

PENGANIAYAAN TERHADAP HAIWAN

Kesalahan penganiayaan

- 29.** (1) Mana-mana orang yang—
- (a) dengan kejamnya memukul, menyepak, melebihi muatan, mendera atau menakutkan mana-mana haiwan;
 - (b) terlebih naik atau terlebih tunggang mana-mana haiwan, kecuali untuk aktiviti yang berhubung dengan sukan equestrian yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama kepada Akta Pembangunan Sukan 1997 [*Akta 576*];
 - (c) menyebabkan, memperoleh atau, sebagai pemunya, membenarkan mana-mana haiwan dipergunakan sedemikian;

- (d) sebagai pemunya mana-mana haiwan atau, sebagai penjaga mana-mana haiwan di dalam kurungan, tidak atau cuai untuk menyediakan makanan, minuman atau tempat perlindungan yang mencukupi untuk haiwan itu;
- (e) dengan kejamnya atau secara tidak munasabah membuat atau meninggalkan untuk melakukan apa-apa perbuatan, menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya, atau, sebagai pemunya, membenarkan apa-apa kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya kepada mana-mana haiwan;
- (f) menyebabkan, memperoleh atau, sebagai pemunya, membenarkan mana-mana haiwan dikurung, diangkut, diangkat atau dibawa dengan apa-apa cara atau kedudukan yang menyebabkan haiwan itu mengalami kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya;
- (g) mengambil kerja, menyebabkan, memperoleh atau, sebagai pemunya, membenarkan diambil bekerja apa-apa kerja atau buruh, mana-mana haiwan yang disebabkan oleh apa-apa penyakit, kerengsaan, luka atau kudis, atau selainnya tidak sesuai untuk diambil bekerja;
- (h) mencatitkan mana-mana haiwan dengan apa-apa cara termasuklah memotong telinga, memendekkan ekor, mencabut gigi taring, mencabut kuku, menyelar, menindik atau mengurangkan salakan melainkan dengan apa-apa cara yang ditentukan dan diperakukan oleh pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar;
- (i) melapah, memanggang atau membunuh mana-mana haiwan yang masih hidup kerana kepercayaan karut melalui tatacara yang menyebabkan kesakitan dan penderitaan kepada haiwan itu;
- (j) mengeluarkan mana-mana bahagian haiwan yang masih hidup melalui suatu tatacara yang menyebabkan kesakitan dan penderitaan kepada haiwan bagi maksud untuk mendapatkan kulit, minyak atau produk haiwan yang lain;
- (k) memasang dinamit, mengelektrikan atau membubuh racun ke dalam mana-mana anak sungai, sungai atau jasad air yang lain bagi maksud untuk membunuh, menuai atau menangkap haiwan;

- (l) menyimpan mana-mana haiwan dengan dirantai atau ditambat dengan menggunakan rantai atau tali yang pendek atau berat, atau memincangkan kaki haiwan itu;
- (m) menyimpan atau mengurung mana-mana haiwan di dalam sangkar atau bekas lain yang ukuran tinggi, panjang dan lebarnya tidak mencukupi bagi membenarkan pergerakan semula jadi haiwan itu;
- (n) membuat tawaran jualan mana-mana haiwan yang sedang menderita kesakitan disebabkan oleh kecacatan, kebuluran, dahaga, kesesakan atau perbuatan aniaya yang lain;
- (o) memiliki, tanpa alasan yang munasabah, mana-mana haiwan yang sedang menderita kesakitan disebabkan oleh kecacatan, kebuluran, dahaga, kesesakan atau perbuatan aniaya yang lain;
- (p) meninggalkan mana-mana haiwan dalam keadaan yang boleh menyebabkan haiwan itu mengalami trauma, kesakitan atau penderitaan atas sebab penempatan semula, kebuluran, dahaga, kecederaan atau penyakit;
- (q) sebagai pemunya mana-mana haiwan, dengan sengaja atau cuai menyebabkan mana-mana haiwan keluar tanpa pengawasan di mana-mana tempat ketika haiwan itu dijangkiti penyakit berjangkit;
- (r) sebagai pemunya mana-mana haiwan, dengan sengaja atau cuai menyebabkan mana-mana haiwan yang berpenyakit, tidak berupaya atau cedera untuk mati di mana-mana tempat;
- (s) menyebabkan, mendapatkan atau membantu dalam pelagaan atau pengumpanan mana-mana haiwan, atau menyimpan, menggunakan, menguruskan, atau melakukan atau membantu dalam pengurusan mana-mana premis atau tempat bagi maksud pelagaan atau pengumpanan mana-mana haiwan, atau membenarkan mana-mana premis atau tempat dijaga, diurus atau digunakan, atau menerima atau menyebabkan atau mendapatkan mana-mana orang untuk menerima, wang bagi kemasukan mana-mana orang ke premis atau tempat itu;
- (t) menggalakkan atau mengambil bahagian dalam mana-mana pertandingan menembak atau pertandingan yang haiwan dilepaskan dari kurungan bagi maksud penembakan itu; atau

- (u) menganjurkan, mengambil bahagian, menggalakkan atau dengan apa-apa cara bersekutu dengan apa-apa sukan atau aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan, yang haiwan itu tertakluk kepada penganiayaan, sama ada semasa sukan atau aktiviti itu sendiri atau semasa dalam latihan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), perbuatan berikut tidaklah menjadi suatu kesalahan penganiayaan:

- (a) apa-apa perbuatan yang telah ditentukan oleh Lembaga sebagai tatacara pengurusan veterinar yang diterima pakai;
- (b) apa-apa pengumpanan mana-mana haiwan perosak bagi maksud kesihatan awam, pengawalan penyakit, pengawalan populasi dan penempatan semula bagi pemuliharaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa yang sah atau mana-mana orang yang diluluskan oleh Lembaga; atau
- (c) memberi makan haiwan sebagai makanan bagi haiwan lain menurut tabiat pemakanan semula jadi haiwan itu.

Pembunuhan haiwan

30. (1) Tiada seorang pun boleh membunuh dengan menembak dengan senjata api mana-mana anjing, kucing atau mana-mana haiwan lain yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melainkan jika dibenarkan oleh pihak berkuasa veterinar dalam kecemasan atau bagi maksud kawalan penyakit.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pembunuhan mana-mana haiwan adalah dilarang melainkan jika—

- (a) pembunuhan haiwan itu bagi maksud untuk dimakan oleh manusia;
- (b) haiwan itu mengalami sakit yang tidak dapat dirawat sebagaimana yang ditentukan dan diperakui oleh seseorang pihak berkuasa veterinar atau seseorang doktor veterinar berdaftar;

- (c) pembunuhan haiwan itu disifatkan perlu bagi menamatkan penderitaan haiwan itu sebagaimana yang ditentukan dan diperakui oleh seseorang pihak berkuasa veterinar atau seseorang doktor veterinar berdaftar;
- (d) pembunuhan itu dilakukan untuk mencegah bahaya yang sudah nyata kepada kehidupan atau anggota badan manusia;
- (e) pembunuhan itu dilakukan bagi maksud kawalan populasi haiwan oleh mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (f) pembunuhan itu diluluskan oleh jawatankuasa etika haiwan pada akhir mana-mana prosedur penyelidikan, ujian dan pengajaran; atau
- (g) pembunuhan itu adalah bagi apa-apa sebab yang ditentukan dan diperakukan oleh pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

“jawatankuasa etika haiwan” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh mana-mana institusi dan diluluskan oleh Lembaga;

“sakit yang tidak dapat dirawat” ertinya haiwan yang telah cedera parah atau sakit dengan prognosis genting yang diperakukan oleh pihak berkuasa veterinar atau doktor veterinar berdaftar.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Pemberian racun

31. (1) Mana-mana orang tanpa kebenaran yang sah atau sebab yang munasabah—

- (a) memberikan apa-apa ubat atau bahan yang beracun atau memudaratkan kepada mana-mana haiwan; atau

- (b) menyebabkan apa-apa ubat atau bahan yang beracun atau memudaratkan diambil oleh mana-mana haiwan,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “ubat atau bahan yang beracun atau memudaratkan” termasuklah ubat atau bahan yang, oleh sebab kuantiti atau cara yang diberikan atau diambil, mempunyai kesan suatu ubat atau bahan yang beracun atau memudaratkan.

Usaha niaga pelagaan haiwan

32. (1) Seseorang melakukan kesalahan jika dia—

- (a) menyebabkan suatu pelagaan haiwan berlaku atau percubaan untuk berbuat sedemikian;
- (b) menerima wang untuk memasuki suatu pelagaan haiwan;
- (c) membuat publisiti suatu pelagaan haiwan yang dicadangkan;
- (d) memberikan maklumat tentang suatu pelagaan haiwan kepada orang lain dengan niat untuk menggalakkan kehadiran ke pelagaan itu;
- (e) membuat atau menerima suatu pertaruhan ke atas suatu keputusan pelagaan haiwan;
- (f) membuat atau menerima suatu pertaruhan ke atas sesuatu yang mungkin berlaku semasa pelagaan haiwan itu;
- (g) mengambil bahagian dalam pelagaan haiwan;
- (h) ada dalam milikannya, apa-apa yang direka atau disesuaikan bagi maksud pelagaan haiwan;
- (i) menyimpan atau melatih mana-mana haiwan bagi maksud pelagaan haiwan; atau
- (j) mempunyai mana-mana premis yang digunakan untuk pelagaan haiwan.

(2) Tiada seorang pun boleh, tanpa kuasa yang sah atau sebab yang munasabah—

(a) hadir pada suatu pelagaan haiwan; atau

(b) membekalkan, menyiarkan, menayangkan atau memiliki suatu rakaman audio-visual pelagaan haiwan.

(3) Perenggan (2)(b) tidak terpakai—

(a) jika rakaman audio-visual pelagaan haiwan berlaku di luar Malaysia; atau

(b) jika pembekalan suatu rakaman audio-visual adalah bagi maksud pemasukan atau, penyiaran atau penayangan dalam filem, dokumentari dan berita.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

“pelagaan haiwan” ertinya suatu keadaan apabila haiwan itu ditempatkan bersama-sama dengan haiwan lain atau dengan manusia, bagi maksud berlaga, bergusti atau mengumpun;

“pembekalan suatu rakaman audio-visual” ertinya membekalkan suatu rakaman audio-visual dalam apa-apa cara termasuklah apa-apa rakaman audio-visual dalam bentuk data yang disimpan secara elektronik bagi maksud menghantar data tersebut;

“penyiaran atau penayangan” ertinya menyiarkan atau menayangkan suatu imej bergerak yang diterbitkan semula daripada suatu rakaman audio-visual melalui apa-apa cara;

“rakaman audio-visual” ertinya suatu rakaman, dalam apa-apa bentuk, yang suatu imej yang bergerak boleh dengan apa-apa cara diterbitkan semula dan termasuklah data yang disimpan dalam komputer, cakera atau cara elektronik lain yang boleh ditukarkan kepada suatu imej yang bergerak;

“usaha niaga pelagaan haiwan” ertinya apa-apa acara yang melibatkan suatu pelagaan antara sekurang-kurangnya dua haiwan dan dijalankan bagi maksud sukan, pertaruhan atau hiburan kecuali haiwan itu mempamerkan kelakuan semula jadi mereka.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Kegagalan menjalankan jagaan dan pengawasan yang munasabah

33. (1) Mana-mana orang yang tidak menjalankan jagaan dan pengawasan yang munasabah yang berhubungan dengan perlindungan haiwan daripada penganiayaan atau kebajikan haiwan, melakukan suatu kesalahan di bawah Bahagian ini atau mana-mana kesalahan yang berhubungan dengan kebajikan haiwan mengikut pengertian Akta ini.

(2) Seseorang yang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) atas sebab kecuaiannya tidak boleh dipenjarakan tanpa memberikannya pilihan untuk denda.

BAHAGIAN VI

HAIWAN DALAM DISTRES

Kuasa berhubung dengan haiwan dalam distres

34. (1) Jika seseorang doktor veterinar berdaftar memperakui secara bertulis bahawa haiwan itu hendaklah dimusnahkan, seseorang pegawai kebajikan haiwan boleh memusnahkan atau mengaturkan supaya haiwan itu dimusnahkan di mana haiwan itu berada atau membawanya ke suatu tempat lain untuk haiwan itu dimusnahkan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), seseorang pegawai kebajikan haiwan boleh memusnahkan suatu haiwan tanpa perakuan doktor veterinar berdaftar jika ternyata kepadanya bahawa—

- (a) keadaan haiwan itu menunjukkan tiadanya alternatif yang munasabah untuk memusnahkannya; atau
- (b) tidak dapat dilaksanakan secara munasabah untuk mendapatkan perakuan doktor veterinar berdaftar pada masa itu.

(3) Seseorang pegawai kebajikan haiwan boleh mengambil milik haiwan itu jika seseorang doktor veterinar berdaftar memperakui bahawa—

- (a) haiwan itu sedang menderita; atau
- (b) haiwan itu berkemungkinan akan menderita jika haiwan itu tidak diambil milik.

(4) Seseorang pegawai kebajikan haiwan boleh bertindak di bawah subseksyen (3) tanpa perakuan seseorang doktor veterinar berdaftar jika ternyata kepadanya bahawa haiwan itu sedang menderita atau berkemungkinan akan menderita atau tidak dapat dilaksanakan secara munasabah untuk mendapatkan perakuan seseorang doktor veterinar berdaftar pada masa itu.

(5) Seseorang doktor veterinar berdaftar atau seseorang pegawai kebajikan haiwan boleh memeriksa dan mengambil sampel daripada mana-mana haiwan bagi maksud subseksyen (1) atau (3).

(6) Jika mana-mana haiwan diambil milik di bawah subseksyen (3), seseorang pegawai kebajikan haiwan boleh—

- (a) mengalihkan haiwan itu atau mengaturnya supaya ia dialihkan, ke suatu tempat selamat;
- (b) menjaga haiwan itu atau mengaturnya supaya ia dijaga—
 - (i) di premis di mana haiwan itu diletakkan apabila ia diambil milik; atau
 - (ii) di mana-mana tempat lain yang difikirkan oleh pegawai kebajikan haiwan sesuai; atau
- (c) menandakan haiwan itu dengan menggunakan apa-apa kaedah atau apa-apa cara menurut Akta ini, atau mengaturnya supaya ia ditandakan, bagi maksud pengecaman.

(7) Mana-mana orang boleh menggunakan apa-apa peralatan di premis yang disebut dalam perenggan (6)(b).

(8) Doktor veterinar berdaftar atau pegawai kebajikan haiwan hendaklah memaklumkan pemunya atau pemegang lesen jika doktor veterinar berdaftar atau pegawai kebajikan haiwan menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini tanpa pengetahuan pemunya atau pemegang lesen.

(9) Pegawai kebajikan haiwan itu boleh membuat suatu permohonan kepada mahkamah untuk pemunya atau pemegang lesen untuk membayar apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung dalam melaksanakan kuasanya di bawah seksyen ini.

(10) Bagi maksud subseksyen (3) dan (4), “milik” termasuklah pemilikan anak mana-mana haiwan yang diambil milik.

Perintah berhubung dengan haiwan yang diambil milik

35. (1) Tertakluk kepada subseksyen (3), jika mana-mana haiwan diambil milik, mahkamah boleh membuat perintah untuk—

- (a) menyatakan apa-apa rawatan untuk diberikan kepada haiwan oleh pihak berkuasa veterinar atau mana-mana doktor veterinar berdaftar;
- (b) menyerahkan hak milik haiwan kepada mana-mana orang lain;
- (c) mengarahkan supaya haiwan itu dijual;
- (d) mengarahkan supaya haiwan dilupuskan melalui jualan atau selainya; atau
- (e) mengarahkan supaya haiwan atau karkas itu dimusnahkan.

(2) Jika haiwan diambil milik ketika ia bunting, mahkamah boleh membuat perintah di bawah subseksyen (1), berhubung dengan mana-mana anak yang lahir daripada kandungan tersebut.

(3) Mahkamah boleh membuat perintah di bawah subseksyen (1) jika—

- (a) terdapat permohonan oleh pemunya atau mana-mana orang lain yang mempunyai kepentingan yang mencukupi terhadap haiwan; dan
- (b) pemunya atau pemegang lesen telah diberikan peluang untuk didengar melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa adalah tidak dapat dilaksanakan secara munasabah untuk berkomunikasi dengan pemunya atau pemegang lesen.

(4) Jika mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh—

- (a) melantik mana-mana orang untuk melaksanakan atau mengatur untuk melaksanakan perintah itu;
- (b) memberi arahan berhubung dengan melaksanakan perintah itu;
- (c) memberikan kuasa tambahan kepada mana-mana orang, termasuk kuasa untuk memasuki premis di mana haiwan yang baginya perintah itu terpakai ditempatkan bagi maksud melaksanakan perintah itu; atau
- (d) mengarahkan seseorang untuk membayar perbelanjaan untuk melaksanakan perintah itu.

(5) Mahkamah, dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, hendaklah mengambil kira keperluan untuk melindungi nilai haiwan dan mengelakkan apa-apa kenaikan perbelanjaan yang seseorang itu boleh diperintahkan untuk membayar.

(6) Seseorang yang dengan sengaja menghalang seseorang yang menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VII

KUASA YANG BERHUBUNGAN DENGAN PENGUATKUASAAN

Pegawai kebajikan haiwan

36. (1) Menteri boleh melantik secara bertulis, apa-apa bilangan pegawai awam untuk menjadi pegawai kebajikan haiwan yang difikirkannya perlu bagi maksud Akta ini.

(2) Seseorang pegawai kebajikan haiwan hendaklah mempunyai semua kuasa yang terletak hak padanya di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.

Pembantu sukarela kebajikan haiwan

37. (1) Lembaga boleh melantik secara bertulis, mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjadi pembantu sukarela kebajikan haiwan untuk membantu pegawai kebajikan haiwan bagi maksud Akta ini.

(2) Seorang pembantu sukarela kebajikan haiwan tidak boleh menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.

Kad kuasa

38. (1) Pengerusi hendaklah mengeluarkan kepada setiap pegawai kebajikan haiwan suatu kad kuasa yang hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi.

(2) Bila mana seseorang pegawai kebajikan haiwan menjalankan mana-mana kuasa di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini, dia hendaklah, apabila diminta, mengemukakan kepada orang yang terhadapnya kuasa itu sedang dijalankan, kad kuasa yang dikeluarkan kepadanya di bawah subseksyen (1).

Kuasa penyiasatan

39. (1) Seseorang pegawai kebajikan haiwan hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] hendaklah terpakai dan seseorang pegawai kebajikan haiwan hendaklah mempunyai segala kuasa yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah untuk menjalankan penyiasatan.

Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran

40. Jika seseorang pegawai kebajikan haiwan berpuas hati atas maklumat yang diterima bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan

dalam memperoleh suatu waran geledah di bawah seksyen 56 Kanun Tatacara Jenayah penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dialihkan, dirosakkan atau dimusnahkan, pegawai kebajikan haiwan itu boleh memasuki premis itu dan menjalankan di dalam, di atas dan berkenaan dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 56 Kanun Tatacara Jenayah dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Kuasa untuk memasuki premis

41. Walau apa pun seksyen 40, mana-mana pegawai kebajikan haiwan boleh memasuki mana-mana premis bagi maksud—

- (a) memeriksa mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang difikirkannya perlu;
- (b) menentusahkan ketepatan rekod atau pernyataan atau apa-apa maklumat yang diberikan kepada seseorang pegawai kebajikan haiwan; atau
- (c) mengambil sampel mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang dijumpai di dalam premis yang difikirkannya perlu bagi maksud analisis tanpa apa-apa bayaran.

Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita pengangkut

42. (1) Jika seseorang pegawai kebajikan haiwan mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa mana-mana pengangkut sedang membawa mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang berkenaan dengannya suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya sedang atau telah dilakukan, dia boleh memberhentikan dan menggeledah pengangkut itu dan boleh, jika setelah pemeriksaan itu dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pengangkut itu sedang atau telah digunakan untuk melakukan kesalahan itu, menyita pengangkut itu dan mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang dijumpai di dalam pengangkut itu yang dengan semunasabahnya dipercayai untuk memberikan keterangan mengenai pelakuan kesalahan itu.

(2) Orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu hendaklah, jika dikehendaki untuk berbuat demikian oleh pegawai kebajikan haiwan itu—

- (a) memberhentikan pengangkut itu dan membenarkan pegawai kebajikan haiwan itu memeriksa pengangkut itu; dan
- (b) membuka semua bahagian pengangkut itu untuk digeledah dan mengambil segala langkah yang perlu untuk membolehkan atau memudahkan pelaksanaan penggeledahan itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh pegawai kebajikan haiwan itu.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk mengelak premis atau pengangkut

43. (1) Jika terpakai dan oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya, adalah tidak praktik untuk memindahkan mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang pernah ada atau berada di mana-mana premis atau mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain di dalam mana-mana pengangkut yang disebut dalam subseksyen 42(1) disita di bawah seksyen ini, pegawai kebajikan haiwan itu hendaklah, dengan apa-apa cara, mengelak premis atau pengangkut di mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain dijumpai.

(2) Pemunya atau penghuni premis atau pengangkut itu hendaklah bertanggungjawab bagi penjagaan umum atau kebajikan haiwan, keseluruhan penyelenggaraan dan penyimpanan selamat mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang telah dilak di dalam premis atau pengangkut yang disebut dalam subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang disebut dalam subseksyen (1) atau memindahkan haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang dilak atau cuba untuk berbuat demikian melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang

daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

Senarai benda yang disita

44. (1) Jika apa-apa penyitaan dibuat di bawah Akta ini, pegawai kebajikan haiwan yang membuat penyitaan itu hendaklah menyediakan suatu senarai mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang disita itu dan tempat di mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain itu dijumpai dan hendaklah menandatangani senarai itu.

(2) Senarai yang disediakan mengikut subseksyen (1) hendaklah diserahkan dengan serta-merta kepada—

- (a) penghuni premis tempat mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang disita itu dijumpai; atau
- (b) orang yang mengawal atau menjaga pengangkut itu, jika penyitaan itu dibuat di bawah seksyen 42.

(3) Jika penyitaan itu dibuat di dalam atau dari mana-mana premis yang tidak diduduki, pegawai kebajikan haiwan itu hendaklah bila-bila mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu supaya mudah dilihat di atau pada premis itu.

Perintah menahan haiwan, karkas, dsb., yang disita di bawah Akta ini

45. (1) Seseorang pegawai kebajikan haiwan boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah untuk menahan mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang telah disita yang berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini sehingga selesai prosiding jenayah itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, “haiwan” termasuklah anak kepada haiwan itu.

Perintah berhubung dengan haiwan, karkas, dsb., yang disita di bawah Akta ini

46. (1) Jika atas permohonan oleh seseorang pegawai kebajikan haiwan, mahkamah berpuas hati bahawa, jika terpakai, mana-mana haiwan, karkas, bahan atau benda lain yang disita di bawah Akta ini —

- (a) adalah tertakluk kepada pereputan yang cepat dan semula jadi yang sifatnya tidak tahan lama;
- (b) boleh susut nilai dalam tempoh masa yang singkat;
- (c) boleh mati dalam masa yang singkat kerana keadaan fizikalnya yang merosot;
- (d) adalah bahan yang berbahaya, bertoksik, memudaratkan atau beracun seperti dadah yang diharamkan dan berbahaya atau karkas atau daging yang memudaratkan dan beracun; atau
- (e) yang jagaannya adalah tidak munasabah memandangkan perbelanjaan atau kesusahan yang akan terlibat,

boleh membuat suatu perintah untuk haiwan, karkas, bahan atau benda lain tersebut dimusnahkan atau selainnya dilupuskan mengikut cara yang mahkamah fikirkan sesuai berdasarkan laporan doktor veterinar berdaftar Kerajaan, dan hasil jualan itu, jika ada, hendaklah disimpan sehingga selesai prosiding jenayah itu.

(2) Mahkamah boleh membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) jika —

- (a) pemunya atau pemegang lesen itu telah diberi peluang untuk didengar; atau
- (b) mahkamah berpuas hati bahawa adalah tidak dapat dilaksanakan secara munasabah untuk menghubungi pemunya atau pemegang lesen.

(3) Jika mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah boleh memerintahkan seseorang untuk membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan perintah itu.

(4) Mahkamah, dalam menjalankan kuasanya di bawah seksyen ini, hendaklah mengambil kira keperluan untuk melindungi nilai haiwan dan mengelakkan apa-apa peningkatan perbelanjaan yang seseorang boleh diperintahkan untuk membayar.

(5) Bagi maksud seksyen ini, “haiwan” termasuk anak kepada haiwan tersebut.

Pegawai kebajikan haiwan boleh meminta bantuan untuk memeriksa benda yang berhubungan dengan kesalahan

47. Seseorang pegawai kebajikan haiwan boleh meminta bantuan mana-mana orang untuk memeriksa mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang disita atau ditahan di bawah Akta ini jika orang itu mempunyai kelayakan yang perlu untuk memeriksa haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain bagi maksud sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini.

Kos menyimpan haiwan, dsb., yang disita

48. Jika mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan oleh pegawai kebajikan haiwan sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos bagi memegangnya dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang disabitkan dengan kesalahan itu, menjadi hutang yang kena bayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan bolehlah didapatkan semula dengan sewajarnya.

Tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan semula

49. Tiada seorang pun boleh, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang disita pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak untuk mendapat kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

BAHAGIAN VIII

KUASA SAMPINGAN MAHKAMAH

Kesalahan kedua atau berikutnya

50. Mana-mana orang yang bersalah untuk kali kedua atau berikutnya atas kesalahan yang sama di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini, boleh, apabila disabitkan, didenda tidak lebih daripada dua kali jumlah denda asal untuk kesalahan itu atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada tiga bulan.

Pelucuthakan

51. (1) Jika seseorang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah mana-mana seksyen 26, 29, 30, 31 atau 32 dan dia merupakan pemunya atau pemegang lesen yang berhubungan dengan kesalahan yang telah dilakukan, mahkamah di mana dia disabitkan boleh, daripada berurusan atau sebagai tambahan kepada berurusan dengan pemunya atau pemegang lesen dalam apa-apa cara lain, membuat suatu perintah untuk melucuthakkan pemunyaan haiwan itu daripada pemunya atau pemegang lesen, atau membuat suatu perintah bagi haiwan itu dilupuskan atau dimusnahkan.

(2) Jika pemunya atau pemegang lesen haiwan disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen 52(3) disebabkan pelanggaran perintah di bawah subseksyen 52(1), mahkamah di mana dia disabitkan boleh, daripada berurusan atau sebagai tambahan berurusan dengan pemunya atau pemegang lesen dalam apa-apa cara lain, membuat suatu perintah untuk melucuthakkan pemunyaan haiwan itu daripada pemunya atau pemegang lesen, atau membuat suatu perintah bagi haiwan itu dilupuskan atau dimusnahkan.

(3) Jika haiwan yang berkenaan dengan suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) atau (2) mempunyai anak, mahkamah boleh memasukkan dalam perintah, pelucuthakan pemunyaan anak itu atau bagi haiwan itu dilupuskan atau dimusnahkan.

(4) Jika mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1) atau (2), mahkamah boleh—

- (a) melantik mana-mana pegawai kebajikan haiwan untuk melaksanakan atau mengatur pelaksanaan perintah itu; dan

- (b) memerintahkan pemunya atau pemegang lesen itu membayar apa-apa perbelanjaan untuk melaksanakan perintah itu.

Hilang kelayakan

52. (1) Jika seseorang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen 15, 24, 26, 27, 28, 29, 30, 31 atau 32, mahkamah di mana dia disabitkan boleh, daripada berurusan atau sebagai tambahan berurusan dengannya dalam apa-apa cara lain, membuat suatu perintah untuk menghilangkan kelayakan orang itu selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun daripada—

- (a) memiliki haiwan;
- (b) menyimpan haiwan;
- (c) mengambil bahagian dalam penyimpanan haiwan; dan
- (d) menjadi pihak pada suatu perkiraan yang dia berhak untuk mengawal atau mempengaruhi cara haiwan itu disimpan.

(2) Mahkamah boleh—

- (a) menggantung pelaksanaan perintah itu sementara menunggu rayuan; atau
- (b) jika mahkamah mendapati seseorang itu memiliki atau menyimpan mana-mana haiwan yang baginya perintah itu terpakai, menggantung pelaksanaan perintah itu, dan apa-apa perintah yang dibuat di bawah seksyen 53 berkaitan dengan hilang kelayakan, untuk suatu tempoh yang difikirkannya perlu bagi membolehkan perkiraan alternatif dibuat berkenaan dengan haiwan itu.

(3) Seseorang yang melanggar perintah hilang kelayakan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Penyitaan haiwan berhubung dengan hilang kelayakan

53. (1) Jika seseorang disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen 52(3) kerana melanggar perintah di bawah perenggan 52(1)(a) atau (b), mahkamah yang di mana orang itu disabitkan boleh memerintahkan semua haiwan diambil milik oleh pegawai kebajikan haiwan.

(2) Sesuatu perintah di bawah subseksyen (1), yang berhubung dengan mana-mana haiwan yang dimiliki oleh orang yang tertakluk kepada hilang kelayakan di bawah seksyen 52, hendaklah mempunyai kesan sebagai suatu perintah di bawah seksyen 51.

(3) Mahkamah yang membuat perintah di bawah seksyen ini boleh—

- (a) melantik seseorang pegawai kebajikan haiwan untuk melaksanakan, atau mengatur pelaksanaan, perintah itu; dan
- (b) memerintahkan seseorang untuk membayar apa-apa perbelanjaan untuk melaksanakan perintah itu.

Kuasa mahkamah untuk memerintahkan pemusnahan haiwan

54. (1) Mahkamah di mana seseorang itu disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah seksyen 24, 26, 28, 31 atau 32 boleh memerintahkan pemusnahan haiwan yang berhubung dengan kesalahan itu dilakukan, jika mahkamah berpuas hati, berdasarkan keterangan yang diberikan oleh doktor veterinar berdaftar atau pegawai kebajikan haiwan, bahawa ia wajar melakukan sedemikian demi kepentingan haiwan tersebut.

(2) Jika suatu mahkamah membuat suatu perintah di bawah subseksyen (1), mahkamah itu boleh—

- (a) melantik seorang pegawai kebajikan haiwan untuk melaksanakan atau mengatur pelaksanaan, perintah itu; dan
- (b) memerintahkan seseorang itu, jika ada, membayar perbelanjaan untuk melaksanakan perintah itu.

Pelucuthakan item yang digunakan dalam atau berhubung dengan kesalahan

55. (1) Jika seseorang telah disabitkan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, mahkamah boleh memerintahkan apa-apa item yang berhubungan dengan kesalahan itu dan hasil mana-mana jualan, jika ada, dilucuthakkan, dimusnahkan atau diuruskan dengan cara yang dinyatakan dalam perintah.

(2) Apabila apa-apa item berhubungan dengan kesalahan itu disita di bawah Akta ini tetapi orang yang dikatakan melakukan kesalahan itu tidak diketahui atau tidak boleh dijumpai, mahkamah boleh, jika ia berpuas hati bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, memerintahkan apa-apa item yang berhubungan dengan kesalahan itu dilucuthakkan.

(3) Tiada perintah untuk melucuthakkan boleh dibuat berkenaan dengan suatu pengangkut melainkan nama pemunya dan tempat tinggalnya diketahui dan dia diberikan peluang untuk didengar.

(4) Jika terdapat apa-apa hasil daripada jualan item yang berhubungan dengan kesalahan itu yang disita di bawah Akta ini, mahkamah boleh, jika ia berpuas hati bahawa suatu kesalahan telah dilakukan, memerintahkan apa-apa hasil itu dilucuthakkan.

(5) Bagi maksud seksyen ini, “item” ertinya apa-apa barang atau bahan berkenaan dengan suatu kesalahan yang telah dilakukan dan yang ialah suatu hal perkara berhubung dengan keterangan yang perlu untuk membuktikan pelakuan kesalahan itu.

BAHAGIAN IX**AM****Kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan**

56. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya, mana-mana orang yang pada masa perlakuan kesalahan itu ialah ketua pegawai eksekutif, pengarah, pengurus, setiausaha atau

pegawai lain yang seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa kapasiti sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau kepada apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh dituduh secara berasingan atau bersama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira sifat fungsinya atas kapasiti itu dan segala keadaan, dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah-langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan ketelitian yang wajar untuk mencegah perlakuan kesalahan itu.

Kegagalan mematuhi perintah yang sah

57. (1) Menteri boleh membuat apa-apa perintah yang suai manfaat atau perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta dengan lebih baik.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi apa-apa perintah bertulis yang dikeluarkan oleh Menteri, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-duanya.

Gambar haiwan boleh diterima sebagai keterangan

58. Gambar atau salinan gambar haiwan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dalam mahkamah jika ia melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah atau kesusahan untuk haiwan itu dibawa ke mahkamah.

Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang

59. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) mana-mana anggota Lembaga, mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau mana-mana doktor veterinar berdaftar bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diperintahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini; dan
- (b) mana-mana orang lain bagi atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau yang berupa sebagai dilakukan olehnya di bawah perintah, arahan atau suruhan Menteri, Lembaga atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya di bawah Akta ini,

jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan munasabah bahawa perbuatan itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai olehnya.

Kesalahan yang boleh dikompaun

60. (1) Lembaga boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, membuat tawaran untuk mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiarinya dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran di bawah subseksyen (1) tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diberikan oleh Lembaga atau mana-mana pegawai kebajikan haiwan yang telah diwakilkan kuasa oleh Lembaga itu secara bertulis, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1)—

- (a) tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat; dan
- (b) mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain yang disita dari mana-mana premis boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh pegawai kebajikan haiwan selepas mengambil kira jenis kesalahan dan keadaan mana-mana haiwan, karkas, pengangkut, bahan atau benda lain mengikut terma dan syarat kompaun tersebut.

Pemulaan pendakwaan

61. Tiada pendakwaan bagi atau berhubung dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan

62. (1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Lembaga, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud yang berikut:

- (a) untuk menetapkan semua perkara yang berhubung dengan subseksyen 24(1);
- (b) untuk menetapkan semua perkara yang berhubung dengan pengendalian haiwan;
- (c) untuk menetapkan semua perkara yang berhubung dengan haiwan yang digunakan dalam penyelidikan, ujian atau pengajaran;
- (d) untuk menetapkan semua perkara yang berhubung dengan pengurusan dan penjagaan haiwan yang diuji kaji, yang diselamatkan, yang dipulihkan dan yang ditangkap;

- (e) untuk menetapkan perkara yang berhubungan dengan muatan maksimum, termasuklah apa-apa muatan disebabkan oleh berat penumpang, untuk dibawa atau ditarik oleh haiwan;
- (f) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan langkah-langkah yang harus diambil dalam mengangkut haiwan sama ada melalui rel, jalan, jalan air pedalaman, laut atau udara dan dalam sangkar atau bekas lain atau dengan apa-apa cara haiwan boleh diangkut;
- (g) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan pengendalian haiwan sebelum disembelih dan proses penyembelihan;
- (h) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan latihan, perumahan, penjagaan, pameran, pertunjukan, atau bagi penggambaran persembahan haiwan atau pembiakan atau penjualan haiwan;
- (i) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan pelesenan;
- (j) untuk menetapkan fi yang kena dibayar di bawah Akta ini;
- (k) untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun;
- (l) untuk menetapkan perkara yang berhubungan dengan kos yang boleh didapatkan di bawah Akta ini dan apa-apa perundangan subsidiarinya, amaun kos tersebut atau cara bagaimana ia dikira, orang yang bertanggung terhadap pembayaran kos dan keadaan di mana mendapatkan kos boleh diremit atau dikecualikan secara keseluruhan atau sebahagiannya;
- (m) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan kelayakan, pengalaman, kelakuan dan tugas pegawai kebajikan haiwan dan pembantu sukarela kebajikan haiwan;
- (n) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan notis penambahbaikan;
- (o) untuk menetapkan semua perkara yang berhubungan dengan tatacara pengurusan veterinar yang diterima pakai;

- (p) untuk mengawal selia pembekal latihan atau pertubuhannya dalam bidang kebajikan haiwan termasuk modul latihan; dan
- (q) untuk memperuntukkan apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan untuk pentadbiran sewajarnya.

(3) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh menetapkan apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan penalti denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

Kuasa untuk meminda Jadual

63. Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual kepada Akta ini.

Peruntukan peralihan

64. (1) Mana-mana orang yang, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, sedang menjalankan aktiviti yang baginya Akta ini terpakai hendaklah, dalam masa enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, memohon untuk mendapatkan lesen di bawah seksyen 16 dan permohonan itu hendaklah dianggap sebagai suatu permohonan baru dan bukanlah sebagai permohonan bagi pembaharuan lesen.

(2) Apabila diterima suatu permohonan di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah mengeluarkan perakuan penerimaan kepada orang itu.

(3) Sementara menunggu keputusan permohonan, seseorang itu boleh terus menjalankan aktiviti itu.

JADUAL
[Seksyen 15]

Aktiviti yang melibatkan haiwan

Aktiviti berikut dianggap sebagai aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan bagi maksud Akta ini:

1. Penginapan haiwan
2. Menunggang dan mengepung haiwan
3. Haiwan persembahan
4. Pembiakan haiwan
5. Penyelidikan, ujian dan pengajaran haiwan
6. Penyelamatan dan pemulihan haiwan
7. Aktiviti yang berhubungan dengan tempat kurungan dan perlindungan haiwan
8. Kuarantin haiwan
9. Latihan haiwan
10. Aktiviti jualan haiwan hidup dalam kurungan
11. Penyembelihan haiwan
12. Pelupusan haiwan
13. Kawalan haiwan terbiar oleh mana-mana individu, organisasi atau badan korporat